

Perjalanan WYD 2027 bermula!

Harapan menyala di Seoul. Kejayaan untuk WYD Seoul 2027.

SEOUL, Korea Selatan: Gereja Katolik di Seoul secara rasmi menetapkan platform untuk Hari Belia Sedunia (WYD) 2027 dengan acara pelancaran besar-besaran di Katedral Myeongdong.

Di bawah tema “Harapan Menyala di Seoul. Kejayaan untuk WYD Seoul 2027,” menandakan permulaan persiapan untuk perhimpunan antarabangsa yang sangat dinanti-nantikan, Hari Belia Sedunia di Seoul yang dijadualkan pada tahun 2027.

Acara itu menarik lebih 1,000 orang muda, termasuk mereka yang berpaling tadah dari Korea Utara, belia kurang upaya dan anggota tentera.

Majlis pelancaran pada Julai 28 itu dimulakan dengan perarakan bendera berwarna-warni, di mana anak muda Korea dan peserta antarabangsa membawa masuk 193 bendera ke dalam katedral.

Perarakan ini melambangkan panggilan sejagat dan semangat WYD, menonjolkan peranan Seoul sebagai hab global untuk umat Katolik muda.

Acara itu juga memperlihatkan jangkaan impak ekonomi WYD Seoul 2027. Pasukan penyelidik yang dikendalikan oleh Prof Taejun Lee dari Sekolah Dasar dan Pengurusan Awam KDI membentangkan analisis ramalan KRW akan mencapai 11,3698 trilion dalam impak pengeluaran dan mencipta 24,725 pekerjaan, menunjukkan potensi manfaat yang dibawakan oleh WYD untuk Seoul dan wilayah-wilayah berhampiran.

Majlis diakhiri dengan Misa yang dipimpin oleh Uskup Agung Chung, Kardinal Andrew Soo-jung Yeom, Uskup Job Yo-bi Koo, Uskup Paul Kyung-sang Lee, dan Uskup Titus Sang-Bum Seo.

Dalam homilinya, Uskup Agung Chung bercakap tentang misi Gereja dalam menye-



Peserta membawa masuk bendera dari 193 negara semasa majlis pelancaran Hari Belia Sedunia 2027 di Katedral Myeongdong, Seoul, Julai 28, 2024. Gambar: licas.news

diakan platform bagi golongan muda serta menggesa mereka untuk bersatu dalam harapan dan doa semasa mereka membuat persiapan untuk acara penting ini.

Misa pelancaran ini memasukkan doa umat dalam pelbagai bahasa, mencerminkan semangat global WYD.

“Saya menyimpan aspirasi besar bahawa Gereja akan menawarkan platform untuk

belia zaman kita—platform di mana mereka boleh muncul sebagai protagonis naratif mereka sendiri.

Saya yakin bahawa platform ini akan menjadi peluang dan ruang harapan untuk semua belia,” kata prelatus itu.

“Saya percaya bahawa WYD mewakili

peluang yang tidak ternilai untuk belia dari seluruh dunia.”

“Sebagai renungan dan terlibat dengan tugas persiapan yang mencabar ini, adalah penting untuk kita menyatukan hati kita, berdoa bersama dan dibimbing oleh Roh Kudus,” tambahnya. — *licas.news*



Mengapa berdoa untuk pemimpin politik?

VATIKAN: “Politik adalah salah satu bentuk amal tertinggi kerana ia mencari kebaikan bersama,” kata Sri Paus Fransiskus yang memetik kata dari pendahulunya Sto Paulus VI.

Dalam intensi doanya untuk bulan Ogos, Bapa Suci mengajak umat beriman untuk menyertainya dalam doa “agar pemimpin politik berkhidmat untuk rakyat mereka sendiri, bekerja untuk pembangunan manusia yang menyeluruh dan kebaikan bersama,

mengambil perhatian terhadap mereka yang telah kehilangan pekerjaan dan mengutamakan golongan termiskin.”

Dalam pesan video yang mengumumkan doa intensi bulan ini, Sri Paus Fransiskus mengakui bahawa “politik tidak selalunya mempunyai reputasi yang baik.”

Walau bagaimanapun, katanya, jika kita melaksanakan politik dengan cara betul iaitu pemimpin yang mendengar apa yang sebenarnya berlaku di sekeliling, berkhidmat un-

tuk orang miskin dan prihatin terhadap penganggur maka politik akan jauh lebih mulia daripada perkara kurang sihat yang selalu kita dengar.”

Jadi semasa kita berdoa untuk pemimpin politik, kita juga harus berterima kasih untuk ramai ahli politik yang menjalankan tugas mereka dengan semangat untuk berkhidmat, bukan kerana kuasa, serta meletakkan semua usaha mereka demi kebaikan bersama,” kata Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan*

Mampukah kita menangani gangguan ketika berdoa?

“**S**aya hendak berdoa tapi tidak melaksanakannya apa pun. Saya hanya duduk di sana. Setelah beberapa saat, saya mulai berasa tidak nyaman.

Saya tidak tahu apa yang harus diucapkan. Jujur, saya berasa tidak yakin apakah ada yang mendengar doa saya.

Saya berusaha untuk berbicara dengan Tuhan, namun saya hanya mendengar suara yang ada dalam fikiran saya.

Kemudian ada beberapa hal yang tiba-tiba datang dan mulai memenuhi fikiran saya. Saya teringat beberapa pengalaman masa lalu dan kemudian saya berasa sedikit terkejut.

Kemudian saya mengeluarkan rosari saya untuk menyibukkan diri, namun ketika saya mulai berdoa, tumpuan saya terganggu apabila melihat seseorang yang melangkah ke luar Gereja. Maka, saya seorang diri dalam Gereja. Saya benar-benar berasa sendirian.

Saya mulai bosan, mata saya mulai terpejam. Saya mulai mengantuk. Lalu tiba-tiba saya terbangun dan saya berasa kesal.

Saya fikir, hal ini tidak berguna. Saya tidak akan pernah dapat berdoa dengan tekun dan tenang. Maka saya berdiri dan pergi dari sana.”

Pengalaman seperti ini biasa terjadi, bahkan terjadi pada seseorang yang sudah lama bertekun dalam doa.

Gambaran kita tentang hidup doa para kudus sebenarnya sering salah.

Kita menyangka mereka tidak ada masalah untuk berdoa dengan khusyuk. Kita membayangkan orang-orang kudus itu berdoa dengan malaikat, duduk dengan tekun, memusatkan perhatian kepada Tuhan sambil melakukan percakapan yang mendalam dan bermakna dengan-Nya.

Kita berasa kesal dan sedih kerana sukar mengekalkan rentak hidup doa yang lebih tekun serta fokus.

Kita juga mencari-cari teknik rahsia atau berfikir alangkah baik jika mempunyai genetik istimewa agar cara doa kita serupa dengan orang-orang kudus!

Berita buruknya ialah: memang tidak mudah menemui teknik rahsia atau formula ajaib untuk berdoa secara khusyuk.

Berita baiknya ialah: Tuhan sudah menjadi manusia, sehingga setiap kita dapat memiliki persatuan yang mendalam dan intim dengan-Nya dalam doa dan di sepanjang hidup kita.

Kita berdoa sebagai manusia yang mempunyai kelemahan dan keterbatasan. Kita berdoa sebagai manusia maka halangan atau batu sandungan dalam berdoa adalah lumrah.

Memang ada sisi manusiawi yang seolah-olah sukar mencapai Tuhan. Oleh sebab itu, doa seharusnya berkomunikasi dengan Tuhan tetapi kita selalu melebihi batas kemanusiaan kita untuk berdoa dan mencapai Tuhan.

Dan kita selalu tunduk pada sisi kemanusiaan kita yang lemah serta memikirkan tidak layak mencapai Tuhan. Ketika kita berkata, “Saya hanyalah manusia biasa,” kita menggunakan perkataan itu sebagai sebuah alasan. Kita berasa tertekan maka kita mula berasa malu. Malu dengan diri sendiri.

Sebagian besar waktu kita dalam doa, kita terganggu oleh pelbagai gangguan, godaan, kelelahan, kesedihan, kejengkelan dan banyak lagi yang negatif!

Hal seperti itu menghambat doa kita dan mudah membuatkan kita berasa berkecil hati.

Mujurlah, semua ini sebenarnya bukan hambatan dalam doa kita, namun hanyalah kelemahan kita sebagai manusia.

Sesungguhnya, kita harus belajar menggunakan kelemahan ini untuk berdoa. Rintangan sebenarnya dalam berdoa bukan kerana kita tidak fokus sebaliknya kita cuba menjadi malaikat. Kita menolak hakikat aspek-aspek



Terima kelemahan kita dalam berdoa dan ingatlah kelemahan itu tidak memisahkan hubungan kita dengan Tuhan. Gambar ilustrasi: Aleteia.

kemanusiaan kita dan tidak dapat bangkit daripada kesalahan itu. Kita berasa Tuhan tidak senang dengan aspek kemanusiaan kita yang lemah ini.

Seharusnya, kita menerima kelemahan kita dan kelemahan kita itu sebenarnya tidak memisahkan hubungan kita dengan-Nya.

Kita boleh memasukkan elemen kelemahan kita ini ke dalam doa. Misalnya berterus terang dalam doa bahawa kita lemah, tidak mampu setia berdoa, tidak fokus, cepat hilang tumpuan dan sebagainya. Tuhan maha mengetahui dan mengerti segala-galanya.

Selain kelemahan, kita juga ialah pendosa. Ada kalanya, rasa bersalah dan berasa diri tidak layak boleh menjadi penghalang untuk mendekati diri dengan Tuhan dalam doa.

Kita mungkin berasa bahawa beban dosa kita akan menghalang komunikasi kita dengan Tuhan. Malah, ramai yang berfikir bahawa Tuhan tidak akan menyukai kita!

Namun sebenarnya, situasi kejatuhan kita perlu dibawa dalam doa. Kita harus menghakiki rasa tidak layak itu agar dapat meningkatkan disposisi batin kita dalam doa.

Ketika kita benar-benar menyedari baha-

wa kita tidak berdoa kerana mempunyai banyak kelemahan, kita harus kembali kepada Tuhan, kita perlu lebih banyak berdoa dan dalam keadaan lemah inilah, kita sebenarnya amat memerlukan Tuhan.

Sebagaimana Sto Paulus mengingatkan kita, “*harta ini kami punyai dalam bejana tanah liat ... kekuatan yang melimpah-limpah itu berasal dari Tuhan, bukan dari diri kita*” (2 Korintus 4:7).

Tuhan menciptakan kita sebagai manusia, dan Dia menjalin hubungan dengan kita agar kita bertumbuh dalam doa sebagai manusia. Jika Tuhan ingin kita berdoa seperti malaikat, maka Dia seharusnya Dia mencipta kita sebagai malaikat. Kemanusiaan kita, yang kelihatannya seperti kelemahan dan batu sandungan utama dalam doa, sebenarnya boleh dijadikan hadiah yang luar biasa.

Tuhan telah merendahkan diri untuk masuk ke dalam kemanusiaan kita yang paling dalam. Oleh sebab itu, Tuhan juga berkuasa mengangkat kita, menjadikan kita satu dengan-Nya, asalkan kita membenarkan Dia masuk ke dalam hati dan hidup kita. — *Aleteia*

Ekaristi jalan pertama bertemu dengan Kristus

Elia ialah seorang nabi yang melawan enabi-nabi palsu yang menyembah berhala.

Usahnya kerap tidak berhasil. Dia hampir putus asa dan ingin mati lalu berseru: “Cukuplah sudah! Sekarang, ya Tuhan, ambillah nyawaku, sebab aku ini tidak lebih baik daripada nenek moyangku”.

Elia menghadapi kesukaran hidup di padang gurun. Tetapi ternyata Tuhan yang mengutusnyanya juga menolongnya.

Tuhan memberinya roti dan air agar Elia terus kuat meneruskan pelaksanaan perutusannya.

Sebab Tuhan tahu, bahawa Elia tidak mencari dirinya sendiri, sebaliknya melaksanakan perintah-Nya. Maka Tuhan melindungi dan menolongnya.

Dengan latar belakang ini ternyata, sama ada Elia atau kita, roti ialah landasan hidup manusia.

Roti ialah pusat kehidupan kita. Roti ialah kehidupan. Dan dalam Injil Yohanes hari ini kita mendengar bahawa Yesus ialah roti hidup, Kristus ialah kehidupan!

Maka makan tubuh dan minum darah Yesus lebih mendalam ertinya daripada

sekadar hanya percaya kepada-Nya!

Gambaran Yesus sebagai “Roti Hidup” merupakan intisari makna hidup kita sebagai orang Kristian sejati.

Semasa Yesus berkata “Aku ialah roti hidup” Dia bukan hanya ingin menunjukkan roti itu sendiri, melainkan lebih menunjukkan Diri Peribadi-Nya sendiri.

Yesus mahu mengatakan bahawa kelaparan, yang mahu kita beri makan, ialah kelaparan akan Diri-Nya sendiri.

Diri-Nya sendiri itulah roti yang diberikan-Nya. Yesus bukanlah sekadar roti untuk memenuhi keperluan tubuh. Juga bukan terbatas untuk memenuhi keperluan perasaan.

Yesus ialah roti untuk memenuhi kelaparan akan kebenaran. Sungguh roti untuk memenuhi segenap kelaparan insani kita sebagai manusia.

Bagi kita umat yang telah dibaptis, Ekaristi merupakan jalan pertama untuk bertemu dengan Kristus, sebagai Tuhan kita yang telah bangkit.

Secara simbolik, Yesus mengambil roti iaitu Dia mengambil roti itu dari hidup kita dan disatukan dengan roti dari hidup diri-Nya sendiri.

Roti itu diberkati-Nya. Jadi Yesus memberkati kita dengan hidup-Nya sendiri. Dan baptis merupakan saat pertama dari pemberkatan itu.

Dan sesudah baptis, setiap hubungan kita dengan Yesus Kristus ialah suatu penghayatan dan pendalaman pemberkatan itu lebih lanjut.

Di dalam Misa Kudus, semasa konsekresi, Yesus memecah-mecahkan roti. Seperti Yesus, di dalam hidup kita masing-masing, ada masanya di mana kita berasa terpukul, berasa jatuh, kecewa, tersingkir, kehilangan kekuatan dan harapan.

Kita juga berasa seperti yang dirasakan oleh Elia, semasa Dia kehilangan harapan, sehingga memohon Tuhan mengambil nyawa kita.

Namun pada saat-saat di dalam hidup yang terpecah-pecah itu, Yesus Tuhan sesungguhnya hadir bersama kita.

Yesus memecah-mecah diri-Nya. Dia memberi dorongan, keberanian dan cabaran kepada kita sekaligus, Dia memberikan sabda dan roti sebagai bekal dan makanan.

Namun, hal yang terutama ialah Dia

**HARI MINGGU
BIASA KE-19
TAHUN B**

**1 RAJA 19:4-8
EFESUS 4:30-5:2
INJIL YOHANES 6:41-52**

memberikan diri-Nya sendiri! Tanpa henti, sepenuhnya selama hidup-Nya, sampai akhirnya di kayu salib Dia berseru: “Sudah selesai!” (Yoh 19:30).

Sama ada dalam hidup, kematian mahupun kebangkitan, Yesus telah memberi teladan dan cabaran kepada kita supaya kita melakukan yang sama.

Ucapan “Pergilah dan lakukanlah yang sama” merupakan cabaran sekaligus perutusan, iaitu suatu perintah untuk melaksanakan kerelaan dan kesanggupan untuk menjadi roti yang dipecah-pecahkan dan diberikan kepada sesama.

Marilah kita berdoa, agar keikutsertaan kita dalam perayaan Ekaristi, roti dan anggur yang kita terima, dapat mengubah kita menjadi apa yang kita makan dan minum itu, iaitu sebagai tubuh dan darah Kristus, dan dengan demikian kita dapat menjadi roti hidup, yang dipecah-pecahkan dan dibagikan kepada sesama. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm.*

SHBDR bantu umat hidup lebih baik melalui Kristus

SANDAKAN: Charis Katedral St Mary, Sandakan telah menganjurkan acara tahunan iaitu Seminar Hidup Baru Dalam Roh (SHBDR) yang dihadiri lebih 200 peserta. Menerusi temu selepas seminar

bersama Adaris Moses Sintan merangkap Pengerusi Pelayanan CHARIS Katedral St Mary, Sandakan, tujuan program tahunan ini diadakan ialah untuk membantu para peserta memahami lebih dalam tentang ekaristi un-

tuk menuju ke kehidupan yang baharu.

Menurut Adaris, menerusi SHBDR, kebanyakan peserta merasakan sesuatu perubahan atau terdorong untuk meninggalkan cara hidup lama melalui sesi-sesi yang dis-

ampaikan oleh para penceramah.

Salah seorang peserta, Sylvester Wong berkongsi pengalaman sukacita beliau selepas menyertai SHBDR.

Sylvester menyatakan SHBDR dapat membantu umat memperdalam pemahaman mereka tentang Ekaristi, mengalami penyembuhan dan diteguhkan semula melalui sesi pencerahan Roh Kudus.

Katanya, pengalaman yang dialami semasa SHBDR membawa lebih ramai orang mengenal Tuhan dan seterusnya berani memberitakan Khabar Baik khususnya dalam kalangan mereka yang belum mengenal Yesus.

Selain itu, dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Raymond Lee, seramai 14 penatua Charis dan 20 orang ahli jawatankuasa Charis Katedral St Mary, telah diberkati dan diutus. — *Macshamus Bilcher*



KUCHING: Sempena Sambutan Hari Sarawak Ke-61, Persatuan Gereja-gereja di Sarawak (ACS) telah menganjurkan Majlis Doa Ekumenikal di Pusat Ibadah Ekumenikal Kristian, Jalan Stampin pada Julai 18 lalu.

Majlis Doa Ekumenikal pada tahun ini dianjurkan oleh Gereja Katolik Romawi dengan tema: Supaya mereka semua menjadi satu (Yohanes 17: 21).

Program pada malam itu dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan dan Negeri Sarawak oleh gabungan koir ACS dan mengibarkan bendera oleh *Boys and Girls Brigades*.

Pengerusi penganjur, Fr Davie Entalai dari Gereja Katolik, mengalu-alukan kehadiran semua ketua Gereja, tetamu kehormat khas, pembesar negeri, paderi dan religius serta semua hadirin dari pelbagai agama.

Bercakap mengenai tema Majlis Doa Ekumenikal, Fr Davie menyatakan, "Semoga kita semua menjadi satu, yang ditandai dengan cinta antara satu sama lain tanpa mengira agama, dan cinta kepada tanah air kita, bumi Kenyalang."

Pengerusi ACS, Datuk Danald Jute, Uskup Gereja Anglikan Sarawak dan Brunei, mengetuai doa pembukaan, diikuti bacaan Kitab Suci bahasa Malaysia, Iban, Mandarin dan Bidayah Jagoi dan Injil dibacakan dalam bahasa Inggeris.



Uskup Agung Kuching, Dr Simon Poh menyampaikan renungan berdasarkan tema majlis ekumenikal tersebut.

Renungan yang disampaikan dalam bahasa Malaysia dan Mandarin itu, dimulakan dengan topik cinta kasih Tuhan dan dosa manusia.

Memetik kitab Kejadian bagaimana dosa keangkuhan, tamak, membunuh, sikap me-

mentingkan diri dan mengeksploitasi ekologi sehingga membawa kemusnahan alam — telah memutuskan hubungan sesama dan Tuhan.

"Sebab itulah Tuhan mengutus Anak-Nya ke dunia untuk menyelamatkan kita," katanya.


Prelatus itu juga mengajak hadirin untuk menunjukkan belas kasihan, kemurahan

Ketua-ketua Gereja, tetamu kehormat, pembesar negeri dalam sesi foto, Julai 18, 2024.
(Gambar: SJC/James Tsau).

hati dan memetik kata daripada Sri Paus Fransiskus yang menegaskan, "Nama Tuhan ialah Belas Kasihan."

Majlis Doa Ekumenikal diakhiri dengan doa Benediktus yang diketuai oleh Datuk Danald Jute.— *Today's Catholic*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
E-Mel:
liza@herald.com.my

Di mana Bonda Maria pergi selepas Yesus wafat?

Setelah Tuhan Yesus bangkit dari kematian dan naik ke Syurga, ke manakah ibu-Nya pergi?

Kitab Suci tidak memberikan kita keberadaannya yang pasti, namun ada sedikit petunjuk tentang itu.

Adalah dipercayai, ketika Tuhan Yesus wafat, ayah angkat-Nya iaitu Sto Yosef telah terlebih dahulu meninggal dunia dan beralih ke kehidupan berikutnya.

Oleh sebab itu, Tuhan Yesus sebagai anggota keluarga menjadi yang paling bertanggung jawab akan ibu-Nya yang sudah berumur.

Menjelang kematian-Nya di kayu salib, Tuhan Yesus melantik salah seorang murid-Nya untuk menjaga ibu-Nya.

Ketika Yesus melihat ibu-Nya dan murid yang dikasihi-Nya, berkatalah Dia kepada ibu-Nya: "Ibu, inilah, anakmu!" Kemudian kata-Nya kepada murid-murid-Nya: "Inilah ibumu!" Dan sejak saat itu murid itu menerima dia di dalam rumahnya (Yohanes 19:26-27)

Kebanyakan para sarjana kitab suci setuju dengan tradisi bahawa "murid yang dikasihi-Nya" ialah Sto Yohanes Penginjil.

Awalnya, kelihatan Yohanes menjaga Bonda Maria di Yerusalem, seperti yang disebutkan di kitab Kisah Para Rasul.

Maka kembalilah rasul-rasul itu ke Yerusalem

dari bukit yang disebut Bukit Zaitun, yang hanya seperjalanan Sabat jauhnya dari Yerusalem. Setelah mereka tiba di kota, naiklah mereka ke ruang atas, tempat mereka menumpang.

Mereka itu ialah Petrus dan Yohanes, Yakobus dan Andreas, Filipus dan Tomas, Bartolomeus dan Matius, Yakobus bin Alfeus dan Simon orang Zelot dan Yudas bin Yakobus. Mereka semua bertekun dengan sehati dalam doa bersama-sama, dengan beberapa perempuan serta Maria, ibu Yesus, dan dengan saudara-saudara Yesus (Kisah Para Rasul 1:12-14)

Ini bererti, selepas wafat, kebangkitan dan kenaikan Tuhan Yesus, Bonda Maria tinggal bersama dengan para rasul di Yerusalem.

Berdasarkan satu tradisi, di sinilah Bonda Maria menghabiskan sisa-sisa hidupnya, menjalani "jalan salib" setiap hari, menapaki jejak-jejak Puteranya.

Pada tradisi ini pula, pengangkatan Maria ke Syurga terjadi di Yerusalem dan disaksikan oleh para rasul.

Sehingga hari ini, ada sebuah Gereja yang didirikan dekat Bukit Zaitun yang dikatakan sebagai tempat Bonda Maria dimakamkan dan tempat ini juga dihormati oleh Gereja Ortodoks Timur.

Di sana juga ada tempat lain di Yerusalem

yang disebut Gereja Tertidur (*Church of Dormition* atau *Hagia Maria Sion -red.*), yang dikendalikan oleh para biarawan Benediktin. Kedua-dua tempat itu dinyatakan sebagai tempat Bonda Maria diangkat ke Syurga.

Di sisi lain, ada juga tradisi yang menempatkan Yohanes Penginjil di kota Efesus.

Ramai orang percaya bahawa sejak Yohanes tinggal di kota itu, Bonda Maria juga tinggal bersamanya dan pengangkatan Bonda Maria ke Syurga terjadi di sana juga.

Hal ini juga diperkuat oleh wahyu peribadi tertentu oleh Beata Anne Catherine Emmerich pada abad ke-19, yang mengatakan rumah Perawan Maria berada di Efesus.

Sebuah rumah dari abad pertama ditemui di Efesus oleh Sr Marie de Mandat-Grancey pada tahun 1891, bersamaan dengan runtuhnya Gereja yang dibangun di atasnya pada abad ke-4.

Tapak ini sudah menjadi tempat ziarah popular bagi ramai penziarah, termasuk beberapa Sri Paus. Sesungguhnya, di mana sahaja Bonda Maria tinggal pada hari-hari terakhirnya, ketika dia diangkat ke Syurga, dia menjadi Bonda kita dan tetap menjadi Bonda Gereja, yang selalu menjadi perantara bagi kita di hadapan Puteranya. — *Aleteia*

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Adik-adik mungkin menyedari bahawa beberapa minggu ini dalam pembacaan Injil, Yesus selalu menyebut diri-Nya sebagai roti yang turun dari syurga atau mengatakan diri-Nya sebagai "Roti Hidup".

Adik-adik, adakah "Roti Hidup" ini masih kekal sehingga sekarang?

Ya. Kita dapat menerima "Roti Hidup" ini setiap kali kita menerima Tubuh dan Darah Yesus dalam Misa

Kudus.

Adik-adik, mengapa orang Katolik harus menerima Komuni Suci?

Sebab umat Katolik bukan sahaja melihat Komuni sebagai suatu yang suci tetapi melihat kasih Tuhan yang amat besar untuk kita.

Menerima Komuni Suci bererti kita menerima kasih Tuhan dan semua berkat-Nya.

Pada Ogos 15 ini juga kita menyambut Hari Raya Besar Kenaikan Bonda Maria ke Syurga.


Mari kita memohon doa dengan perantaraan Bonda Maria khususnya bagi negara-negara yang dalam peperangan.

Seperti yang kita tahu, peperangan sentiasa membawa kemiskinan, penderitaan, penghijrahan paksa dan yang paling menyedihkan, ramai rakan kita tidak mendapat akses pendidikan, kelaparan serta lambat menerima rawatan jika sakit atau terluka.

Salam Sayang
Antie Melly

Mari Bermain Cantum Gambar

Gunting gambar di bawah dan lekatkan pada kad manila. Adik-adik boleh mewarnakannya terlebih dahulu. Adik-adik boleh bermain "Cantum gambar" terpantas atau menyelesaikan cantum gambar dalam masa tertentu.



CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI





NABI
KITAB
SYURGA

BAPA
MENGUTUS
TURUN

MELIHAT
PERCAYA
KEKAL

NENEK MOYANG
PENGAJARAN
ROTI

Sempena Hari Raya Besar Kenaikan SP Maria ke Syurga, antie menyediakan beberapa penanda buku. Warnakan semua kad ini dan tulis doa "Salam Maria" sambil kita mengingati rakan-rakan kita yang kurang bernasib baik akibat peperangan, bencana atau menjadi mangsa kepada pemerdagangan manusia.



BELIA MILENIUM

Bengkel Koir dan Mazmur, tingkatkan kemahiran para koir

SANDAKAN: Seramai 60 peserta telah menyertai Bengkel Nyanyian Koir dan Mazmur yang dikendalikan oleh Persatuan Jururawat Katolik Sandakan bersama Majlis Pastoral Paroki Katedral St Mary Sandakan, baru-baru ini.

Bengkel yang dilaksanakan selama dua hari itu memberikan ilmu, meningkatkan kualiti dalam pelayanan koir dan mazmur khususnya kepada semua peserta.

Salah seorang peserta yang ditemu bual, Frasier, menyatakan rasa gembira beliau kerana berpeluang menghadiri bengkel itu.

Bengkel itu telah memberi peluang kepada Frasier untuk mencipta sahutan mazmur bersama sebagai satu kumpulan dan mempelajari lagu-lagu iringan Misa Kudus



khususnya dalam bahasa Latin. Frasier mempelajari peraturan yang ada apabila melayani dalam pelayanan koir Gereja.

Salah seorang peserta lain yang ditemu

bual, Cecilia, 19, bengkel koir itu membantu meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran dalam nyanyian koir.

Penganjur akan menganjurkan bengkel

nyanyian koir dan mazmur dari semasa ke semasa serta mengharapkan lebih ramai umat, lebih-lebih lagi belia untuk menyertai bengkel ini. — *Macshamus Bilcher*

Katholikos 2024 di Keuskupan Melaka Johor



MELAKA: Jaringan Kaum Muda Keuskupan Melaka Johor (MJDYPN) baru-baru ini mengadakan kem formasi tahunan *Katholikos* khusus untuk para ketua dan penasihat pelayanan belia paroki.

Acara ini menghimpunkan 52 pemimpin belia dari 22 paroki bertempat di Seminari Gembala Baik.

Melalui latihan kepimpinan ini, para pemimpin paroki baharu menimba ilmu tentang kaedah membimbing remaja di paroki masing-masing, untuk lebih dekat kepada Tuhan mereka lebih dekat kepada Tuhan, selaras dengan tema tahun ini, "Mereka yang berharap kepada Tuhan akan berlari dan tidak lelah" (Yesaya 40:31).

Dua orang penceramah dari ASAYO dijemput untuk menyampaikan sesi iaitu Jacinta Fernandez dan Gregory Pravin, yang menyampaikan penerangan mengenai berbicara dalam Roh Kudus.

Dalam kem ini juga, para peserta belajar bagaimana mendengar pendapat setiap sesama, menyatukan pelbagai pandangan untuk memahami keperluan belia di setiap paroki dan menunai tanggungjawab sebagai pemimpin dengan menganjurkan aktiviti yang bermakna untuk belia.

Hati setiap belia adalah "tanah suci," pembawa benih kehidupan Ilahi, oleh sebab itu, para belia diajak untuk "meninggalkan kasut" agar dapat mendekati dan memasuki ke dalam Misteri (*Chris-*

tus Vivit, 67).

Sebelum berbicara atau membuat keputusan, para belia diseru untuk mendengar dengan teliti dan mengenali kebenaran, menghadapi realiti dengan kerendahan hati.

Para pemimpin belia ini diingatkan agar berjalan bersama dengan kaum muda agar dapat memahami serta mendengar suara hati mereka.

Pesan Injil harus disebar dengan menggunakan teknologi canggih masa kini. Gereja mengenal potensi besar kaum sebagai pemimpin umat dalam perjalanan menuju ke kerajaan-Nya.

Selepas kem itu beberapa orang pemimpin belia berkongsi pengalaman mereka.

Alexander Wong dari Gereja *Holy Family* Ulu Tiram mengatakan pengalamannya selama dua hari menghadiri Kem itu sangat baik dan "saya dapat bergaul dengan semua orang serta menemui ramai belia dari paroki lain."

"Kem ini mendorong saya untuk belajar bagaimana melibatkan semua orang tanpa mengecualikan sesiapa serta meneguhkan pelayanan belia di mana semua orang muda berasa dialu-alukan. kata Marisse Tan dari Gereja St Peter, Melaka.

Belia dari Gereja St Louis, Kluang, Destiny Isaacbel mengatakan, "Saya belajar bagaimana menjadi model dan teladan belia di paroki saya."

Pelayan Altar: Menjadi sahabat sejati kepada semua orang

VATIKAN: Dalam ucapannya kepada kira-kira 70,000 pelayan altar yang berkumpul di Dataran Sto Petrus pada Julai 30, sebagai sebahagian daripada aktiviti mereka semasa berziarah ke Roma.

Sri Paus Fransiskus menekankan makna mendalam tema yang dipilih untuk acara antarabangsa tersebut: "Bersama kamu" (Yes 41:10).

Katanya, tema itu "merangkumi misteri cinta yang merupakan misteri kehidupan kita."

Prelatus itu menyatakan bahawa dalam liturgi yang mereka layani, kedua-dua perkataan ini pertama sekali merujuk kepada Tuhan yang dalam Ekaristi, "menjadi kehadiran nyata dan konkrit melalui Tubuh dan Darah Kristus."

"Apabila kita menerima Komuni Suci, kita mengalami bahawa Yesus 'bersama kita' secara rohani dan jasmani," bukan dalam kata-kata, tetapi dengan "tindakan kasih sayang,



iaitu Ekaristi."

Dalam Komuni Suci, pelayan altar juga "boleh berkata kepada Tuhan Yesus, 'Aku bersamamu', bukan dengan kata-kata, tetapi dengan hati dan tubuh kamu, dengan cinta kamu."

Melayani dengan minda, hati dan tubuh yang penuh perhatian terhadap Yesus dan misteri Tuhan yang menyertai kamu, mem-

beri kamu keupayaan untuk berjalan bersama dengan orang lain agar dapat melaksanakan perintah-Nya untuk mengasihi satu sama lain," katanya.

"Berada dekat dengan Yesus, juga bermakna dekat atau akrab dengan orang-orang sesama kita, bukan setakat perkataan, tetapi dalam perbuatan, dengan isyarat, dengan hatimu, bahkan kepada mereka yang mungkin

tidak kita sukai, yang berbeza daripada kita; dalam kalangan warga asing; dalam kalangan yang tidak memahami kita, juga dalam kalangan yang jarang datang ke Gereja; dan yang mengatakan mereka tidak beriman kepada Tuhan!"

Para pelayan altar seterusnya diperkenalkan kepada Kardinal Jean Claude Hollerich yang mengiringi sepanjang ziarah mereka.

Kardinal Jean Claude menerangkan bahawa tema "Bersamamu" adalah jemputan untuk menjadi "sahabat sejati terhadap semua orang dengan bantuan Kristus."

Bagaimanapun, katanya, "kita hanya dapat menjadi sahabat sejati apabila kita mengulurkan tangan untuk melayani serta membantu mereka yang memerlukan."

Ziarah para pelayan altar itu dianjurkan oleh Persatuan Antarabangsa untuk para pelayan altar (*Coetus Internationalis Ministrantium*), bermula Julai 29 hingga Ogos 3, 2024. — *media Vatikan*

Vatikan perjasas Pintu Suci yang akan dibuka pada Jubli 2025

VATIKAN: Menjelang Jubli Biasa 2025, Sri Paus Fransiskus dalam Dekri '*Spes non confundit*' (Harapan tidak mengecewakan) menyatakan Pintu Suci Basilika Sto Petrus dan tiga Basilika Kepausan yang lain iaitu Sto John Lateran, Sta Mary Major dan Sto Paulus di luar tembok, dengan pengecualian hasrat Bapa Suci untuk secara peribadi membuka Pintu Suci di penjara "sebagai tanda kedekatan beliau yang konkrit bagi para banduan."

Ini ditegaskan semula dalam nota yang dikeluarkan pada Ogos 1, oleh Bahagian Dikasteri untuk Penginjian.

"Memandangkan permulaan Jubli 2025 yang tidak lama lagi, timbul persoalan mengenai kemungkinan merancang pembukaan Pintu Suci di Gereja Katedral, Tempat Suci Antarabangsa dan Kebangsaan, serta di tempat-tempat ibadat yang penting."

"Dalam hal ini, walaupun motivasi pastoral dan devosi ini adalah baik namun d perlu kita mengingati petunjuk tepat yang ditetapkan oleh Bapa Suci dalam Dekri '*Spes non confundit*', yang menegaskan hanya empat Pintu Suci untuk Jubli yang akan dibuka."

Dalam '*Spes non confundit*', Sri Paus Fransiskus mengumumkan bahawa Tahun Jubli akan bermula dengan pembukaan Pintu Suci Basilika Sto Petrus pada Malam Krismas, 2024.

Pintu Suci Basilika Santo Petrus dibuka oleh Sri Paus hanya pada permulaan Tahun Jubli. Ia



Sri Paus Fransiskus membuka Pintu Suci Basilika Sto Petrus sempena Tahun Jubli Belas Kasihan pada Disember 8, 2015.

biasanya merupakan pintu pertama yang dibuka untuk menandakan permulaan Tahun Suci.

Kemudian, pada Disember 29, 2024, Bapa Suci akan membuka Pintu Suci Basilika Agung Sto John Lateran, Katedral Roma.

Pada hari yang sama, setiap Katedral dan Katedral bersama di seluruh dunia akan mengadakan Misa yang disambut oleh Uskup tempatan untuk menandakan pembukaan Jubli.

Pada Hari Raya Maria Bonda Tuhan, Januari 1, 2025, Sri Paus Fransiskus akan membuka Pintu Suci untuk Basilika Sta Mary Major dan Pintu Suci untuk Basilika Sto Paulus di Luar Tembok dibuka pada hari Ahad, Januari 5, sempena Vigil Epifani. — *media Vatikan*



Karmelit OCD tutup biara bersejarah 400 tahun

Ketiadaan panggilan menyebabkan biarawati OCD menutup biara 400 tahun mereka.

CORDOBA, Sepanyol: Komuniti Karmelit Tak Berkasut (*Ordo Carmelitarum Discalceatorum/OCD*) di Biara San José di Lucena, Córdoba, Sepanyol terpaksa meninggalkan biara bersejarah 400 tahun di kota tersebut kerana kurangnya panggilan.

Selama ini, para biarawati Komuniti Karmelit Tak Berkasut di Biara San José di Lucena dikenali kerana kedekatan mereka dengan Sri Paus Fransiskus.

Dalam beberapa kesempatan, Sri Paus selalu mengirim pesan kepada mereka kerana persahabatan yang erat dengan mantan ketua biara di sana.

Sr Maria Magdalena dari Sto Yohanes dari Salib menjelaskan rasa sakit dan kesedihan yang mendalam, kerana hanya ada tiga biarawati yang tersisa pada masa ini.

Kurangnya panggilan dan atas permintaan Komuniti Karmelit lain yang memerlukan khidmat, mereka melihat bahawa misi mereka di Biara San José di Lucena harus berakhir.

Sejarah biara 400 Tahun

Para Biarawati Karmelit Tak Berkasut sudah berada di biara San José selama 412 tahun. Para biarawati OCD didirikan pada tahun 1603 dan tiba di Lucena pada tahun 1612.

Menurut akhbar tempatan, kematian mantan ketua biara, Sr Adriana dari Yesus yang Tersalib, pada bulan September 2023 menjadikan komuniti itu kekurangan jumlah minimum lima orang biarawati.

Namun, komuniti tersebut diberi status khusus yang disokong oleh Sri Paus Fransiskus dan Uskup Córdoba, Msgr Demetrio Fernández.

Tiga orang biarawati yang tersisa akan segera pindah ke sebuah Biara Karmelit yang terletak di Keuskupan Salamanca. Di tempat yang baharu, mereka akan bergabung dengan para biarawati karmelit yang lain. — *pen@katolik*

Sri Paus berterima kasih kepada pekerja karnival dan sarkas

OSTIA LIDO, Roma: Sri Paus Fransiskus yang sedang berehat sempena percutian musim panas, meluangkan masa pada Julai 31 lalu, melawat dengan pekerja karnival dan ahli-ahli sarkas di taman hiburan bersejarah, Taman Luna di Ostia Lido.

Di situ, Sri Paus memberikan sokongan hangat kepada para pekerja di taman itu, menyatakan rasa terima kasihnya secara peribadi kerana mereka membantu membawa senyuman pada wajah orang ramai.

Bapa Suci berhenti untuk beberapa saat pada ketibaannya, membuat tanda salib, di hada-

pan imej Bonda Yang Terberkati, yang diukir dengan tulisan, "Kami memerlukan Bonda Maria untuk menjadi pelindung kami."

Kedatangan Bapa Suci disambut oleh Sr Geneviève Jeannings dari kongregasi *Little Sisters of Jesus*.

Kongregasi *Little Sisters of Jesus* mendapat inspirasi daripada tulisan dan kesaksian Saint Charles de Foucauld yang berkarisma memberi pelayanan kepada saudara-saudari termiskin sebagai semangat hidupnya.

Sr Geneviève bersama dengan paderi paroki yang berdekatan, Fr Giovanni Vincenzo Patané,

membawa Sri Paus Fransiskus ke dalam bilik yang digunakan untuk pesta ulang tahun kanak-kanak.

Tepukan gemuruh bergema apabila Sri Paus Fransiskus masuk dengan kerusi rodanya dan pembantunya memegang gula-gula serta rosari untuk dibahagikan kepada semua orang.

Bapa Suci mengambil mikrofon dan berkata, "Saya berterima kasih kepada anda semua, untuk apa yang anda lakukan untuk membuat orang tersenyum... terima kasih kerana membantu membawa kegembiraan." — *media Vatikan*



ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Nikmatilah, ‘mukjizat’ Tuhan setiap hari

VATIKAN: “Nikmatilah, setiap hari, ‘mukjizat’ rahmat Tuhan...” Sri Paus Fransiskus memberikan saranan yang menghiburkan ini semasa ucapan Angelusnya pada Julai 28 lalu yang merujuk kepada pembacaan Injil Sto Yohanes yang menceritakan keajaiban roti dan ikan.

Sri Paus Fransiskus menekankan pembacaan Injil hari Minggu biasa ke-17 itu melakukan tiga gerak isyarat yang diulangi Yesus pada Perjamuan Terakhir, iaitu: mempersembahkan, mengucap syukur dan berkongsi.

Mempersembahkan

Sri Paus menjelaskan bahawa “mempersembahkan” mempunyai elemen yang mengakui kita mempunyai sesuatu yang baik untuk diberikan, meskipun sedikit.

Bapa Suci menyatakan, semasa Misa, apabila paderi mempersembahkan roti dan wain di atas mezbah dan bagi setiap orang menawarkan dirinya sendiri, nyawanya sendiri. Walaupun ia adalah isyarat “yang mungkin kelihatan kecil, namun sama seperti lima roti dan dua ikan, Tuhan menjadikannya bahan untuk mukjizat besar iaitu Tuhan hadir di antara kita, untuk keselamatan dunia”.

Cinta kita yang lemah

Kemudian Sri Paus Fransiskus beralih kepada gerak syukur kedua: “mengucapkan syukur.”

Sri Paus mengatakan kita mesti bergembira bahawa Tuhan telah memberkati kita. Prelatus itu mencadangkan, “Oleh sebab itu, kita harus berkata kepada Tuhan dengan



Sri Paus Fransiskus bermain seketika dengan seorang bayi. Gambar: Media Vatikan.

rendah hati dan dengan sukacita bahawa ‘Yang saya miliki adalah pemberian-Mu, dan sebagai ungkapan terima kasih kepada-Mu, saya hanya dapat memberikan kembali kepada-Mu, cinta lemah dan kekurangan ku’.

Akhir sekali, isyarat ketiga iaitu “berkongsi”, semasa Misa, ketika kita bersama-sama mendekati mezbah untuk menerima Tubuh dan Darah Kristus, iaitu “buah pemberian setiap orang telah diubah oleh Tuhan menjadi makanan untuk semua.”

“Ini ialah saat yang indah,” yang mengajjar kita “untuk menjalani setiap isyarat

cinta sebagai anugerah rahmat, sama ada bagi mereka yang memberi dan mereka yang menerima kesempatan untuk berkembang bersama sebagai saudara dan saudari seiman.”

Pada akhir renungannya, Sri Paus mengajjar hadirin untuk memikirkan soalan ini: “Adakah saya benar-benar percaya bahawa, dengan rahmat Tuhan, saya mempunyai sesuatu yang unik untuk dikongsi kepada saudara dan saudari saya? Adakah saya hidup berkongsi dengan orang lain sebagai momen pertemuan dan memperkayakan iman bersama-sama?” — *media Vatikan*

TUJUH tips Misa lebih bermakna

Misa adalah doa paling agung tetapi selalu diabaikan oleh umat manusia.

Berikut ini adalah beberapa praktik sederhana yang dapat membantu kita mengikuti Misa dengan penuh hormat, tanpa mengubah liturgi:

1. Mulailah dengan doa hening

Lihatlah patung Bonda Maria, para kudus, dan para malaikat untuk mengingatkan kita akan kehadiran mereka.

2. Pilih seseorang untuk didoakan dalam Misa

Tidak perlu memberitahu orang yang

akan anda doakan. Anda boleh ‘mempersembahkan intensi’ Misa bagi mereka yang dekat di hati anda.

3. Ketika fikiran melayang, lakukanlah hal ini

Jika fikiran kita melayang, lihatlah salib besar yang ada di Gereja, atau lihatlah tabernakel. Lihat salib atau tabernakel ketika liturgi sabda ataupun lagu pujian agar anda kembali mengikuti Misa dengan lebih fokus.

4. Ketika mulai menghakimi orang lain semasa Misa

Fikiran mudah melayang dan sering kali

teringat atau memperhatikan kelemahan orang lain. Alihkan perhatian kita dengan melihat objek-objek yang digunakan dalam Misa, yang merupakan simbol Kristus, misalnya altar, lilin, busana paderi dan piala suci.

5. Berdoa hening ketika Tubuh dan Darah Kristus diangkat

misalnya dengan mengatakan “Tuhan Yesus, kasihanilah kami.”

6. Berdoalah semasa berbaris menyambut komuni misalnya: “Bonda Maria, bimbinglah aku ke altar kasih.” “Malaikat pelindungku, bawalah aku lebih dekat kepada Yesus.” “Tuhan Yesus, Engkau sungguh-sungguh hadir dalam Sakramen Mahakudus, aku bersujud di hadapan-Mu, aku menyembah-Mu.”

7. Ketika Misa selesai dan berada di pintu keluar Gereja

Cubalah ingat semula sesuatu dari homili atau bacaan Injil yang menyentuh hati anda untuk dibicarakan kepada orang lain. Kongsi kepada sesama, apa yang telah membuatkan hati anda tersentuh dan dengan melakukan ini, homili atau pembacaan pada hari itu, akan “melekat” dalam hati anda.

Menghadiri Misa ialah hal terbaik yang anda lakukan pada hari itu. Manfaatkanlah semaksimal mungkin! — *Aleteia*

PENULIS BERKICAU

Tanpa wanita hilanglah harmoni

Sri Paus Fransiskus telah menekankan keperluan untuk mendengar suara wanita yang sering diabaikan, dipandang rendah malah peluang mereka disekat akibat klerikalisme (*clericalism*) serta penyalahgunaan kuasa.

Dalam mukadimah buku bertajuk *Women and Ministries in the Synodal Church*, Sri Paus Fransiskus membincangkan tema sensitif Gereja mengenai pelayanan wanita yang ditahbiskan dan penderaan seksual dalam Gereja.

Dalam kata pengantar yang diterbitkan sepenuhnya oleh *L'Osservatore Romano*, Bapa Suci menekankan akibat krisis penderaan ini, tercetus keperluan mendesak untuk membasmi klerikalisme.

Bapa Suci menyatakan bahawa klerikalisme mempengaruhi bukan sahaja pelayan tertahbis tetapi juga mewakili isu penyalahgunaan kuasa yang luas dalam Gereja, yang memberi kesan kepada orang awam dan wanita.

“Mendengarkan kegembiraan dan penderitaan wanita sesungguhnya ialah salah satu cara untuk membuka diri kita kepada realiti,” kata Fransiskus.

Prelatus itu menyeru untuk mendengar wanita “tanpa prasangka,” dan segera menyedari “bahawa di kebanyakan tempat, terdapat situasi wanita tidak mendapat pengiktirafan atas sumbangan dan apa yang mereka lakukan”.

“Namun uniknya wanita ialah merekalah yang selalu bersedia untuk melayani Tuhan dan Kerajaan-Nya,” kata Sri Paus Fransiskus dalam bukunya.

Dalam pendahuluan buku itu juga, Sri Paus Fransiskus memberikan renungan tentang subjek sensitif pelayanan gerejawi, bermula daripada prinsip utama kepausannya iaitu “realiti lebih penting daripada idea.”

Saya teringat dua tahun lalu, ketika paroki-paroki turun padang mempromosi serta memperkenalkan apa itu Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026, seorang paderi mengatakan seperti ini: “Dalam MPC 2026 kita akan membincangkan empat perkara. Dan jika ada masa kita akan membincangkan hal-hal lain misalnya peranan wanita dalam Gereja, di mana sepatutnya kedudukan mereka dalam Gereja.”

“Di manakah sepatutnya kedudukan wanita dalam Gereja?” Bukankah wanita dan lelaki mempunyai martabat yang sama? Saya sangat menjunjung tradisi Gereja Katolik yang hanya mentahbis kaum lelaki sebagai paderi. Namun ini tidak bermakna golongan wanita tidak penting dalam pelayanan Gereja.

Sejak awal perutusan Kristus, kaum wanita diangkat kerana mereka memiliki suatu kepekaan yang khusus yang merupakan ciri khas kewanitaannya mereka.

Pada fajar Kebangkitan Yesus, para wanita-lah orang-orang pertama yang berada di makam. Merekalah yang pertama menemukan makam kosong. Merekalah yang pertama mendengar: “Dia tidak ada di sini. Dia telah bangkit, sama seperti yang telah dikatakan-Nya” (Mat 28:6).

Sebagai kesimpulan, “Tanpa wanita, tidak ada harmoni di dunia ini,” demikian pesan utama Sri Paus Fransiskus pada salah satu homilinya pada awal Februari lalu sekaligus mengiktiraf sumbangan wanita dalam pelayanan Gereja.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.



Gereja tekad tangani pemerdagangan orang

BUNDU TUHAN: Pada Julai 27 lalu, seramai 110 umat paroki St Pius X, menghadiri Seminar Anti Pemerdagangan Orang dianjurkan oleh *Global Shepherds* dan Komisi Migran dan Orang yang Berpindah Randah Keuskupan Agung Kota Kinabalu di Pusat Retret Bundu Tuhan, sempena Hari Anti Pemerdagangan Sedunia PBB yang diraikan setiap Julai 30.

Seminar ini diadakan bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan umat bahawa jenayah pemerdagangan orang adalah merupakan jenayah ketiga tertinggi di dunia selepas pengedaran dadah serta penyeludupan senjata api dan Malaysia tidak terkecuali daripada aktiviti haram ini.

Malah insiden jenayah pemerdagangan orang di Malaysia menunjukkan tren pening-

katan dengan rekod 165 kes pada tahun 2020 berbanding hanya 17 kes yang dilaporkan pada tahun 2008.

Selain itu jenayah penyeludupan migran di negara ini juga dilihat semakin serius dengan pertambahan bilangan kes yang mendadak iaitu daripada tiga kes pada tahun 2010 kepada 265 kes pada tahun 2020.

Di Keningau misalnya, pada tahun lalu polis telah menyelamatkan tiga wanita termasuk kanak-kanak berusia 12 tahun yang disyaki menjadi mangsa pemerdagangan manusia dan eksploitasi seks.

Beberapa bulan lalu iaitu bulan Mei, seorang lelaki warga Filipina telah diberkas polis Keningau atas kesalahan pemerdagangan orang untuk tujuan aktiviti mengedar dadah.

“Jangan ingat kita tinggal di kawasan yang

selamat. Pemerdagangan manusia, penculikan, kes orang jual orang tidak akan terjadi di sini...jangan berasa terlalu selesa. Kejadian pemerdagangan orang boleh berlaku di mana-mana dan dalam kalangan sesiapa sahaja,” kata paderi paroki St Pius X, Fr Frederick Raymond pada Julai 28 lalu.

Memandangkan kes-kes pemerdagangan orang yang berlaku di Sabah, Fr Frederick mengatakan dia sangat berbesar hati apabila *Global Shepherds* dan *Archdiocesan Commission for the Pastoral Care of Migrants and Itinerants* (ACMI) mahu datang untuk menganjurkan seminar ini di Bundu Tuhan.

Global Shepherds merupakan organisasi bukan berasaskan keuntungan yang menawarkan perlindungan untuk wanita dan

kanak-kanak khususnya mangsa pemerdagangan manusia.

ACMI pula ialah sebuah komisi di bawah Keuskupan Agung Kota Kinabalu sebagai tangan kanan

Pada sebelah pagi, seminar ini diisi dengan pengenalan *Global Shepherds* Berhad, definisi pemerdagangan manusia dan bagaimana membuat laporan kepada pihak berkuasa berkaitan pemerdagangan manusia oleh tim *Global Shepherds* yang diketuai oleh Sr Imelda RGS.

Kemudian, sesi pada sebelah tengah hari diteruskan oleh Sdra Dominic Lim dari ACMI yang menyampaikan ajaran-ajaran sosial Gereja. Seminar ini berakhir pada pukul 4.00 petang dengan doa yang dipimpin oleh Sr Imelda.

ABMA tubuhkan Tim Teologi Tubuh untuk umat berbahasa Malaysia

KUALA LUMPUR: Tiga orang religius dan 17 umat awam berjaya menamatkan Formasi Katekatikal Teologi Tubuh (*Train The Trainers*) pada Julai 21 lalu.

Selepas Formasi Pengenalan Kepada Teologi Tubuh kepada lebih 100 guru Sekolah Minggu pada tahun 2023, terdapat maklum balas yang menyatakan keperluan mendesak bagi menyediakan tenaga pengajar Teologi Tubuh untuk Komuniti Umat berbahasa Malaysia (KUBM) di Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Oleh sebab itu, *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate* (ABMA) dengan kerjasama *Archdiocesan Catechetical Ministry* telah menganjurkan Formasi Katekatikal Teologi Tubuh (*Train-The-Trainers*) bermula bulan April lalu dan berakhir pada bulan Julai.

Sesi pertama diadakan pada April 27, bertajuk “Dicipta Untuk Kasih” yang disampaikan oleh Sr Retta Savariannan, FdCC.

Sesi ini membawa peserta memahami tujuan asal Tuhan mencipta manusia iaitu untuk mencintai Tuhan dan sesama.

Sebulan selepas itu, para peserta berhimpun semula untuk sesi kedua, “Cinta Kasih Sejati” oleh Sdra Brian Jude yang membimbing peserta mempraktikkan dan menghidupi cinta kasih sejati dalam kehidupan mereka.

Sesi ketiga bertajuk “Panggilan atau Vokasi”



diadakan pada bulan Jun. Sesi ini menjelaskan kaitan antara panggilan dan rancangan Tuhan untuk cinta kasih sejati. Dengan memahami maksud sebenar tubuh dan seksualiti menurut Teologi Tubuh, kita mampu menghidupi panggilan peribadi dengan lebih yakin dan bahagia dengan pilihan masing-masing.

“Dating” merupakan sesi terakhir yang disampaikan pada Julai 20 oleh Sdra Brian.

Pertemuan keempat ini membawa peserta memahami tujuan sebenar berdating” mengikut ajaran Gereja, bagaimana membina perhubungan sejati menuju ke gerbang perkahwinan, dengan menekankan kesucian dan amalan kemurnian.

Pada Julai 20 dan 21, para peserta diberikan topik dan menyediakan slaid untuk pembentangan membentangkan topik-topik dalam TOB.

Penubuhan Tim TOB untuk umat berbahasa Malaysia

Selepas sesi bengkel, tim TOB ditubuhkan yang bertujuan membantu *Archdiocesan Catechetical Ministry* dan ABMA dalam menganjurkan formasi TOB kepada para remaja di paroki-paroki sekitar Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Tim TOB ini diketuai oleh Sdr Vernon Valentine anak Maurice Budit dan dibantu oleh

Sdri Ivy Evelyn F Anjun.

Para peserta yang berjaya menamatkan Formasi Teologi Tubuh *Train-The-Trainers* dan menerima sijil masing-masing ialah: Cynthia Nyangi, Liza Dusin, Mitch Jr. Maurice, Sr Stella Gilbert FSIC, Celestina Gabriel, Sr Sylvia Stanis FSIC, Grayson O’niel, Meilelyni Anak Frederick, Ivy Evelyn F Anjun, Cathrine anak Kuti, Leonie binti Malibin, Margareth Jimmy, Vernon Valentine anak Maurice Budit, Edna Marcella Geoffrey Yong, Clarice Joingging, Patrina Julin, Junior Jacob, Molinih Jipius Surai @ Emmaliani, Sr Irene Chengann SSFS, Mary Caroline, Clarent Lubaton dan Velarie Nozie Muslie.



Caritas MJD lancar inisiatif penjagaan pesakit hospital

JOHOR BAHRU: Caritas Keuskupan Melaka Johor telah menganjurkan Program Penjagaan Pesakit Hospital buat kali pertama pada Julai 21 lalu, sekaligus menandakan pencapaian penting dalam misi Caritas memberikan sokongan belas kasihan kepada mereka yang memerlukan.

Inisiatif ini menyaksikan penglibatan aktif dan sumbangan masyarakat, mengumpulkan sumber dan sukarelawan untuk membuat perubahan bermakna dalam kehidupan pesakit hospital.

Caritas menyumbang dua mesin penting iaitu mesin *Electrocardiogram* (ECG)

yang disampaikan oleh Uskup Bernard Paul kepada Hospital Sultan Aminah.

Para sukarelawan Caritas pula mengedarkan lebih 80 pek kebersihan kepada pesakit kanak-kanak.

Pek itu mengandungi barangan keperluan kebersihan dan barangan permainan yang direka untuk menghiburkan kanak-kanak yang sedang menjalani rawatan.

Program Caritas ini dicetuskan oleh semangat keprihatinan ahli-ahli Caritas yang kebanyakannya mempunyai pengalaman sama ada pernah menginap di hospital kerana sakit atau menjaga ahli keluarga yang

tidak sihat.

Menyedari keperluan ini, Caritas MJD memulakan perancangan program berstruktur untuk menawarkan sokongan kepada pesakit hospital.

Dengan sokongan Pertubuhan Kebajikan Sulaman Kaseh Negeri Johor dan sumbangan dermawan daripada ahli serta rakan-rakan Caritas, peralatan yang diperlukan oleh hospital dapat diperolehi.

Caritas MJD merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sukarelawan dan penderma yang menyumbang kepada kejayaan program ini.